

NASKHAH CONTOH

BUKU INI TIDAK BOLEH DI JUAL

Harga Terbitan: RM 96 / set 8

5464
Siri Pejuang dan Pembina Negara



Tokoh-tokoh Pahlawan

Siti Mariam Daud
Sulaiman Zakaria



JADE GREEN PUBLICATIONS

9/0

JADE GREEN PUBLICATIONS

29A, Jalan Jejaka Lima,
Taman Maluri, Jalan Cheras,
55100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-9828198 Fax: 03-9827449

© JADE GREEN PUBLICATIONS
ISBN 983-9293-00-1 (SIRI)

Cetakan Pertama 1996

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit

Dicetak oleh:

APB 940929

**NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

ACTIVE ORBIT SDN. BHD.

MAR 1998

PRAKATA

Perjuangan mendapat kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan sama penting. Ini bermakna kemerdekaan tanpa mengisi kemerdekaan itu adalah suatu yang sia-sia. Terdapat negara-negara bekas jajahan Barat yang mencapai kemerdekaan tetapi tidak dapat mengisi kemerdekaan atau membangun negara.

Malaysia tergolong dalam negara yang dapat mengisi kemerdekaan. Ini disebabkan oleh negara ini mempunyai kesinambungan antara pejuang kemerdekaan dengan pembinaan negara.

Siri Pejuang dan Pembina Negara memperlihatkan kesinambungan antara pejuang dan pembina negara. Kombinasi dua golongan ini telah mewujudkan negara yang kini terkenal ke seluruh dunia. Siri ini ditulis untuk memperingati perjuangan mereka dalam menentang penjajah, sikap perkauman, anasir subversif dan sebagainya.

Penerbitan siri ini akan dapat memberi gambaran jelas tentang sumbangan tokoh-tokoh ini kepada generasi masa kini untuk sama-sama berbakti kepada negara.

Penulis

PAHLAWAN-PAHLAWAN MELAYU

Pengenalan

Sebelum Perang Dunia Kedua (1941 - 1945), semangat kebangsaan orang Melayu dikatakan belum wujud secara menyeluruh. Kesedaran kebangsaan hanya wujud selepas Perang Dunia Kedua setelah semangat antipenjajah 'dibakar' oleh orang Jepun.

Bagaimanapun, bibit-bibit kesedaran semangat cinta kepada tanah air telah wujud sebaik sahaja bermulanya penjajahan Barat khususnya orang Inggeris. Ini dapat dilihat daripada penentangan tokoh-tokoh pahlawan seperti Datuk Maharaja Lela, Mat Kilau, Datuk Bahaman, Tok Janggut, Rentap, Mat Salleh dan sebagainya.

Perjuangan mereka ini menjadi asas kepada perjuangan menuntut kemerdekaan seterusnya. Walaupun pada mulanya mereka mempunyai semangat benci kepada orang asing sahaja tetapi kemudiannya semangat itu tersebar luas dari masa ke masa.

Dalam buku ini dibincangkan tentang perjuangan dua orang tokoh pahlawan iaitu Datuk Bahaman dan Tok Janggut yang kini menjadi legenda di samping tokoh-tokoh lain.

DATUK BAHAMAN

Pada peringkat awal penulisan tentang Datuk Bahaman, beliau telah dicap sebagai penderhaka dan digambarkan sebagai seorang pembesar yang kejam dan tidak bertimbang rasa. Hakikatnya, Datuk Bahaman merupakan seorang pembesar yang mempunyai sifat kepahlawanan yang tinggi dan pejuang kemerdekaan Pahang daripada penjajahan Inggeris.

Nama sebenar Datuk Bahaman ialah Abdul Rahman atau Bahman, anak ketiga daripada enam orang adik-beradik iaitu tiga lelaki dan tiga perempuan. Bapanya dikenali sebagai Tok Noh. Beliau mempunyai 13 orang anak iaitu lapan orang lelaki dan lima orang perempuan, hasil perkahwinan beliau dengan lima orang wanita. Ini jelas menunjukkan Datuk Bahaman mempunyai keluarga yang besar dan tanggungan yang ramai.

Datuk Bahaman mempunyai darah campuran Melayu dan Orang Asli suku Jakun. Beliau adalah

seorang yang suka merendah diri dan semasa mudanya pernah berkhidmat sebagai pesuruh di istana sultan Pahang. Sebagai seorang pahlawan sejati, beliau terlibat dalam peperangan saudara antara Bendahara Wan Ahmad dan Bendahara Wan Mutahir.

Sebagai menghargai jasa beliau membantu Bendahara Wan Ahmad menjadi sultan, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai salah seorang Orang Besar Berlapan dengan gelaran Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan.

Datuk Bahaman mempunyai pengaruh yang besar ke atas penduduk di daerah Semantan. Di samping itu, beliau juga mempunyai pengetahuan luas tentang hutan-hutan di Pahang dan Selangor hasil daripada pengembaraan dari satu tempat ke satu tempat semasa menjalankan tugas. Beliau juga memahami bahasa, kebudayaan dan undang-undang lisan yang wujud di kalangan masyarakat Orang Asli yang terdapat di daerah kekuasaannya.

Bendahara Wan Ahmad Menjadi Sultan

Datuk Bahaman membantu Bendahara Wan Ahmad dalam tiga siri peperangan saudara yang berlaku di

Pahang iaitu pada tahun 1858, 1860 dan tahun 1862. Pada tahun 1863, peperangan itu tamat. Bendahara Wan Ahmad telah berjaya mengalahkan kekandanya Bendahara Mutahir. Baginda kemudiannya dilantik oleh para pembesar Pahang sebagai pemerintah dengan gelaran 'Bendahara Seri Wak Raja'.

Bendahara Wan Ahmad dilahirkan pada 23 Mei 1836 bersamaan 5 Muharam 1252 Hijrah. Baginda adalah seorang pemerintah yang membawa kemakmuran kepada negeri Pahang. Baginda memberi pengampunan secara beramai-ramai kepada rakyat yang menjadi penyokong Bendahara Wan Mutahir dalam perang saudara itu. Baginda telah memaklumkan kepada pihak Inggeris tentang kejayaan baginda di Pahang. Oleh sebab itu, pihak Inggeris bersetuju mengakui Bendahara Wan Ahmad sebagai pemerintah Pahang yang berdaulat.


Bendahara Wan Ahmad mendapat gelaran Sultan daripada Maharaja Abu Bakar (Sultan Johor) dan diakui oleh kerajaan Inggeris pada tahun 1882 setelah baginda membuat lawatan ke Johor. Orang Besar Berempat Pahang telah memberi gelaran "Sultan Ahmad Al-Muazam Shah" kepada Bendahara Wan Ahmad. Pada 8 Oktober 1887 Sultan Wan Ahmad telah menandatangani surat perjanjian antara

kerajaan Pahang dengan kerajaan Inggeris atas desakan kerajaan Inggeris.

Surat perjanjian tersebut telah menghadkan kuasa-kuasa pembesar Pahang. Kerajaan Pahang pula hendaklah membenarkan seorang wakil kerajaan Inggeris diletakkan di Pahang. Pajak tanah-tanah lombong hendaklah diberikan kepada sama ada orang Inggeris atau orang Cina.

Pada Julai 1888, kerajaan Inggeris telah menghantar J.P Rodger sebagai residen pertama British di Pahang. Kemasukan British ke Pahang memberi kesan yang buruk kepada golongan istana dan pembesar negeri Pahang. Pelbagai perubahan dan undang-undang baharu diperkenalkan. Antaranya menghapuskan adat memiliki hamba sahaya, menghapuskan sistem kerahan iaitu mengerah rakyat membuat kerja tanpa upah, gaji atau pendapatan para pembesar Pahang ditentukan oleh residen dan kuasa memungut cukai juga ditarik daripada pembesar. Kuasa Sultan Ahmad juga disekat.

Semua ini menimbulkan rasa tidak puas hati dan kebencian kepada kerajaan Inggeris. Rasa tidak puas hati pembesar terhadap campurtangan Inggeris mendorong berlakunya pemberontakan. Pemberontakan ini pula seolah-olah mendapat restu



Negeri Pahang

daripada Sultan Ahmad apabila baginda enggan bekerjasama dengan British dalam memerangi golongan pemberontak ini.

Pemberontakan Datuk Bahaman

Datuk Bahaman merupakan antara pembesar awal yang memulakan pemberontakan. Ini dilakukan sebagai usaha terakhir untuk menghalau penjajah Inggeris dari bumi Semantan khususnya dan dari bumi Pahang amnya. Secara beransur-ansur, Datuk Bahaman berjaya mendapat kepercayaan daripada golongan pembesar-pembesar lain yang mempunyai semangat kemelayuan yang tinggi.

Datuk Bahaman enggan mematuhi peraturan perlombongan yang mula diperkenalkan pada tahun 1889. Beliau juga masih meneruskan cukai yang dikenakan kepada perahu pedagang yang lalu-lalang di sepanjang sungai Semantan tanpa sebarang penentangan oleh para pedagang kecil Melayu dan Cina. Beliau juga masih membenarkan pengeluaran hasil-hasil hutan tanpa merujuk kepada kerajaan Pahang.


Dalam usaha kerajaan Inggeris untuk menghalang Datuk Bahaman, mereka telah mengadakan

pelbagai fitnah dan pembohongan. Semua ini dilakukan supaya para penyokong dan pembesar yang bersama Datuk Bahaman tidak lagi mempercayai beliau dan seterusnya menolak perjuangan Datuk Bahaman menentang Inggeris.

Datuk Bahaman dituduh menghantar surat kepada Sultan Selangor supaya memasukkan daerah Semantan ke dalam negeri Selangor serta menambahkan elaun perkhidmatannya. Penentangan kepada pembinaan Balai Polis Lubuk Terua dalam daerah Semantan oleh pihak Inggeris pada tahun 1890 dikatakan sebagai penguat kepada keinginan Datuk Bahaman itu.

Sultan Ahmad turut terpengaruh dengan tipu muslihat Inggeris dan menganggap perbuatan tersebut sudah melampaui batas. Pada peringkat awal, baginda tidak mempercayai akan kebenaran isi kandungan surat-surat itu. Baginda telah memanggil Datuk Bahaman menghadap di istana Pekan untuk mendapatkan penjelasan. Datuk Bahaman menafikan beliau pernah menulis surat-surat tersebut.

Bagaimanapun, Datuk Bahaman tidak pergi menghadap Sultan Ahmad walaupun Sultan Ahmad berjanji akan mengadakan suatu penyiasatan rapi berhubung perkara tersebut. Baginda telah melantik



Kehidupan penduduk bergantung kepada hasil hutan

Tengku Mahmud dan pemangku residen untuk berbuat demikian. Sebaliknya, Datuk Bahaman telah melarikan diri dari Pulau Tawar dan kemudian masuk ke dalam hutan. Datuk Bahaman seterusnya membawa diri ke Kelantan melalui Sungai Tembeling sebelum kembali semula ke Semantan.

Datuk Bahaman tetap meneruskan niatnya untuk menentang British. Beliau telah menghalang pengiraan banci penduduk Pahang pada tahun 1891 serta terus melanggar undang-undang dan peraturan yang telah dikuatkuasakan oleh residen British. Datuk Bahaman sedar pihak Inggeris tidak dapat berbuat apa-apa selagi beliau masih mempunyai surat kuasa yang diberikan oleh Sultan Ahmad semasa perlantikannya sebagai Orang Kaya Berlawan dahulu.

Pihak British juga tahu dalam usaha untuk melemahkan pengaruh Datuk Bahaman, kuasa autoritinya harus ditarik balik. Oleh itu, melalui mesyuarat Majlis Negeri, Sir Hugh Clifford telah meminta Sultan Ahmad menarik balik gelaran yang diberikan kepada Datuk Bahaman. Pada 18 Oktober 1891 iaitu dalam mesyuarat Majlis Negeri yang keempat, Sultan Ahmad secara rasmi telah mengumumkan perlucutan gelaran Orang Kaya Setia Pahlawan Semantan kepada Datuk Bahaman.

Ini merupakan gelaran pertama yang dilucutkan oleh Sultan kepada salah seorang pembesar yang amat berjasa kepadanya. Sultan Ahmad sedar baginda amat berhutang budi kepada Datuk Bahaman yang telah membantu baginda memperoleh takhta kerajaan Pahang.

Dalam peperangan tersebut, jasa Datuk Bahaman yang pada masa itu bergelar Panglima Kakap memang tidak dapat dinafikan. Bagaimanapun, kerana termakan hasutan dan fitnah yang dilemparkan pihak Inggeris, baginda tetap memecat Datuk Bahaman.

Pihak polis di daerah Semantan telah diarahkan untuk menangkap Datuk Bahaman. Balai polis di Lubuk Teruayang baru dibina dan dilengkapi dengan senjata diarahkan bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Datuk Bahaman cuba melarikan diri ke Selangor tetapi ternyata gagal. Sejak itu, beliau sentiasa diburu dan tidak mendapat sebarang perlindungan daripada mana-mana pihak. Keadaan ini memaksa beliau bertindak balas terhadap British dengan memulakan pemberontakan.


Pemberontakan Peringkat Pertama

Peristiwa pemberontakan pertama berlaku pada 16 Disember 1891 apabila Pemangku Pemungut Cukai Daerah Temerloh merangkap Inspektor lombong iaitu C.E.M Desborough dengan satu kumpulan polis sedang menuju ke Balai Polis Lubuk Terua untuk menempatkan 10 orang polis Sikh dan tiga orang polis Melayu.

Dalam perjalanan tersebut, kumpulan itu telah menangkap tiga orang pengikut Datuk Bahaman kerana kesalahan membawa keluar hasil-hasil hutan seperti bijih timah, rotan dan kayu ke Temerloh tanpa kebenaran atau permit.

Datuk Bahaman percaya rombongan polis itu bertujuan menangkap beliau. Oleh itu, beliau telah mengumpulkan beberapa orang pengikut dan menyerang perahu yang dinaiki kumpulan polis tersebut selepas dua hari mereka berperahu.

Dalam serangan itu Datuk Bahaman mengarahkan pengikut-pengikut beliau supaya menebang pokok-pokok buluh di kedua-dua tebing sungai tetapi tidak ditumbangkan. Apabila kumpulan polis itu sampai di tempat berkasan buluh-buluh yang telah ditebang itu ditumbangkan dan menghempap perahu.




Sungai Semantan

Serangan itu mengakibatkan inspektor lombong, seorang tukang perahu Melayu dan seorang polis berketurunan Sikh tercedera. Beberapa buah bot berjaya ditawan.

Desborough dan beberapa buah bot lain yang terselamat dalam serangan tersebut pulang semula ke Temerloh (Kuala Semantan). Mereka mendapati empat orang polis Sikh dan seorang Sarjan Melayu telah hilang dan tiga pengikut Datuk Bahaman yang ditahan telah berjaya melepaskan diri. Seorang daripada empat orang polis Sikh yang hilang berjaya melepaskan diri dan kembali ke Temerloh manakala tiga orang telah dibunuh. Sarjan Melayu turut berjaya melepaskan diri.

Peristiwa penahanan tiga orang pengikutnya itu juga telah menyebabkan Datuk Bahaman bersama lebih 100 orang pengikutnya telah bertindak menyerang Balai Polis Lubuk Terua. Para pemberontak berjaya merampas beras hak milik syarikat-syarikat perlombongan Inggeris di Raub dan Bentong serta merampas 40 pucuk senapang dan alat-alat senjata lain. Datuk Bahaman juga mengumumkan penentangan bersenjata beliau dan para pengikutnya terhadap British secara terbuka.

Pemberontakan peringkat pertama ini telah berjaya menarik lebih ramai sokongan daripada



Orang asing sudah berniaga di Pahang ketika itu

orang Melayu dan para pembesar lainnya. Pemberontakan ini telah menghalakan penentangan yang pada peringkat awalnya berbentuk pasif kepada suatu bentuk rusuhan dan penentangan bersenjata. Sebenarnya Datuk Bahaman tidak berniat memulakan serangan secara besar-besaran tetapi beliau tidak dapat lagi bersabar dengan tindak-tanduk British.

Bilangan penyokong perjuangan Datuk Bahaman telah meningkat dengan cepat. Bilangan ini bertambah hingga 700 orang termasuk 100 orang Jakun yang bertindak sebagai pengintip dan pengangkut barangan. Dengan bantuan para pengikutnya, Datuk Bahaman telah berjaya membina kubu-kubu di sepanjang Sungai Semantan yang menjadi benteng semasa mereka menyerang bandar Temerloh.

Para pemberontak menyerang bangsa-bangsa asing yang dianggap bekerjasama dengan pihak Inggeris. Barang-barang mereka dirampas. Akibatnya, lima orang awam terbunuh iaitu seorang taukeh Cina, seorang kontraktor India dan tiga orang lelaki lain yang cuba melarikan diri melalui Sungai Pahang. Pihak yang menyokong Inggeris terpaksa berundur dari Temerloh.

Pada 19 Disember 1891, Kapten Hugh Clifford

bersama 60 orang polis Sikh yang diketuai oleh Inspektor Summer bersama-sama lebih 200 pengikut dan Tengku Mahmud telah masuk ke daerah Semantan. Mereka mendapati kubu pertama pemberontak telah ditinggalkan. Pada 1 Januari 1892, pasukan mereka telah bertembung dengan para pemberontak di Kelubi yang merupakan kubu kedua Datuk Bahaman.

Di Kelubi, pertempuran berlaku selama beberapa hari tanpa ada tanda-tanda golongan pemberontak akan kalah. Sebaliknya, pasukan polis Sikh dengan mata-mata Melayu yang berjuang bagi pihak Inggeris tidak menunjukkan kerjasama yang baik. Akhirnya kekuatan pasukan Inggeris semakin lemah. Ini memaksa mereka berundur semula ke Temerloh.

Setakat ini, pihak British tidak mendapat apa-apa bentuk kerjasama daripada Sultan Ahmad dalam menentang golongan pemberontak. Sultan Ahmad yang lebih memihak kepada para pemberontak telah memberikan pelbagai alasan untuk tidak campur tangan. Banjir yang melanda Pahang pada Januari 1892 melenyapkan sementara gesaan pihak Inggeris kepada Sultan Ahmad.

Kejadian pemberontakan dan kekalahan Inggeris di Semantan dan Temerloh mendapat perhatian serius J.P. Rodger. Beliau dan penguasa polis

Selangor berangkat ke Pahang bersama-sama 25 orang mata-mata berbangsa Sikh. Di Pahang, mereka berdua bersama-sama Hugh Clifford, Wise dan Ketua Polis Ulu Pahang masuk menghadap Sultan Ahmad di Istana Pulau Tawar untuk memohon pertolongan kerana kekuatan askar Inggeris yang berjumlah 300 orang masih tidak memadai untuk melawan para pemberontak. Ini menunjukkan angkatan Datuk Bahaman sangat kuat.

Pihak British juga sedar bahawa orang Melayu sangat mendaulatkan kuasa Sultan dan hanya sebahagian kecil sahaja yang berani menderhaka kepada Sultan. Pihak British seboleh-bolehnya tidak mahu lebih ramai orang Melayu terlibat dalam pemberontakan.

Disebabkan oleh motif-motif ini, Sultan Ahmad diminta membantu Inggeris menumpaskan pemberontakan yang semakin merebak di Pahang. Di pihak Sultan Ahmad pula, baginda ingin membuktikan bahawa baginda tidak terlibat dalam penentangan itu dan memastikan baginda tidak akan kehilangan takhta kerajaan Pahang.

Baginda Sultan Ahmad sambil diiringi oleh anakanda baginda (Tengku Ali), Panglima Garang Yusuf, Encik Abdullah Bera dan J.P. Rodger tiba di Temerloh pada Januari 1892 untuk mengetuai

pasukan memerangi Datuk Bahaman dan para pengikutnya. Sultan Ahmad membawa lebih 500 orang pahlawan bersama baginda.

Serangan ke atas Bentong dilakukan pada 21 Januari 1892. Angkatan Sultan dan J.P. Rodger berjaya memusnahkan 12 kubu pertahanan Datuk Bahaman yang dibina di sepanjang Sungai Semantan. Keadaan ini memaksa Datuk Bahaman melarikan diri ke hutan dan berlindung di perkampungan orang Jakun.

Bagaimanapun, Sultan Ahmad sentiasa berusaha mengelakkan sebarang kerjasama dengan pihak British. Baginda tahu pemberontakan itu tidak ditujukan kepada baginda atau kerajaan Pahang. Oleh itu, baginda hanya bertindak apabila diminta berbuat demikian.

Pihak British pula mengesyaki baginda sebagai dalang yang menghasut rakyat supaya menimbulkan kekacauan di dalam negeri.

Hal ini semakin ketara apabila Datuk Bahaman berjaya mengumpulkan pengikut dengan menggunakan nama Sultan untuk mendapatkan sokongan dan peralatan senjata daripada Tengku Ali untuk menentang kuasa penjajah.

Baginda tidak mengambil sebarang tindakan terhadap insiden ini kerana sedar matlamat utama

para pemberontak itu semata-mata untuk mengembalikan kedaulatan dan kekuasaan politik Melayu yang telah dirampas oleh pentadbiran Inggeris. Lagipun, itu merupakan cita-cita baginda sendiri dan menurut pendapat baginda, Datuk Bahaman boleh merealisasikan hasrat baginda dan rakyat Pahang.

Sehingga bulan Januari 1892, Sultan Ahmad tidak memberi sebarang kerjasama kepada Inggeris. Bagaimanapun, untuk menyelamatkan keadaan, Sultan Ahmad berpura-pura menerima dan mematuhi arahan British supaya pihak British yakin kepada baginda. Ini boleh dilihat menerusi pengisytiharan pengampunan beramai-ramai untuk para pemberontak. Sultan Ahmad dikatakan bersetuju memberi pengampunan kepada mana-mana pemberontak yang terlibat dalam penentangan dengan syarat mereka kembali ke kampung mereka dalam masa sebulan.

Menjelang 2 Februari 1892, pihak kerajaan Pahang telah menawarkan hadiah wang sebanyak \$1000 untuk menangkap ketua-ketua pemberontak. Dengan tawaran wang ini, British berharap mana-mana pihak akan tampil menyerahkan ketua-ketua pemberontak kepada mereka.

PENGUMUMAN


Mereka yang dikehendaki sebagai pemberontak

1. Bahaman bin Tok Noh atau Tok Mok - bekas Orang Kaya Setia Pahlawan Semantan
2. Tuk Muda Darus - anak Datuk Bahaman
3. Mat Lela - anak Datuk Bahaman
4. Panglima Raja Awang Sahar bin Haji Daud
5. Panglima Besar Majid dari Kuala Kepong
6. Imam Perang Yaman bin Sultan Mas
7. Tuk Muda Samat dari Sabair
8. Mahmud Kelubi (Alias Hitam)
9. Tuk Muda Nong bin Haji Mat Ali dari Temerloh
10. Tuk Mamko dari Bolo
11. Muhammad Mereh dari Lubuk Terua
12. Wan Usof dari Sungai Dingin
13. Wan Deraman - anak Wan Usof
14. Tengku Ahmad

Pihak Inggeris mula merangka rancangan awal untuk mentadbir semula daerah Temerloh dan Semantan. Tengku Ali dilantik membantu Pegawai Daerah yang bertugas iaitu Kapten Wise dan mengetuai pasukan pengintip. Penduduk pula diminta dengan lembut supaya tidak menyokong pemberontakan dan pulang ke kampung masing-masing. Di sepanjang tebing Sungai Semantan dijadikan petempatan khas untuk orang Melayu Pahang. Pasukan bersenjata juga ditempatkan di kawasan-kawasan antara Bentong dengan Temerloh.

Bagaimanapun, terdapat antara penduduk kampung ini yang bersimpati dan menyokong perjuangan Datuk Bahaman. Oleh sebab itu, apabila Datuk Bahaman dan pengikutnya menyerang Lubuk Terua pada 9 Mac 1892, mereka ini memberikan bantuan dan dengan mudah kawasan ini jatuh ke tangan para pemberontak.

Serangan hebat oleh Datuk Bahaman bersama 50 orang pengikutnya membolehkan mereka menawan Balai Polis Lubuk Terua. Hanya 11 daripada 50 laras senapang berjaya diselamatkan oleh pihak Inggeris. Kejayaan Datuk Bahaman ini telah menambahkan bilangan penyokong beliau kepada 200 orang.



Rumah tradisional Puhang

Bagaimanapun, Hugh Clifford telah mengatur seangan balas yang dianggotai oleh sepasukan tentera dan polis seramai 300 orang lengkap dengan peralatan senjata dari Ulu Pahang. Turut bersama dalam rombongan tersebut ialah E.A Wise dan Tengku Ali. Setelah berjaya menawan Balai Polis Lubuk Terua selama beberapa hari, Datuk Bahaman terpaksa akur dengan kekuatan Inggeris dan berundur semula.

Sekali lagi Sultan Ahmad diminta menumpaskan pemberontakan tersebut. Kali ini baginda menolak dengan alasan bulan Ramadan akan menjelang tiba yang secara kebetulan bermula pada 24 Mac 1892. Sebarang operasi tidak akan dijalankan sepanjang bulan tersebut. Oleh itu, Tengku Ali kembali semula ke Pulau Tawar, Hugh Clifford pula kembali ke Kuala Lipis manakala Wise dan ketua polis serta orangnya berkawal di Lubuk Terua.


Dari semasa ke semasa, bentuk penentangan mula berkembang menjadi suatu pemberontakan yang lebih besar. Pembesar-pembesar utama negeri seperti Tuk Raja Jelai (Datuk Wan Ahmad), Tuk Gajah (Imam Perang Indera Gajah), Tuk Bandar dan pengikut-pengikut mereka mula mengalihkan perhatian mereka kepada Datuk Bahaman dan angkatannya.

Tujuan pembesar-pembesar ini menyokong perjuangan Datuk Bahaman adalah untuk menghalau British dari bumi Pahang dan mendapatkan semula kekuasaan mereka. Antara sebab sokongan padu diberi kepada Datuk Bahaman adalah kerana pembaharuan politik yang diperkenalkan oleh British pada abad ke-19 yang bertujuan supaya pentadbiran negara dapat dijalankan dengan lebih baik dan aman.

Bagaimanapun, pembaharuan ini tidak selari dengan kepentingan dan kemajuan penduduk tempatan. Keadaan ini menyebabkan kemunculan dan perkembangan pergerakan anti penjajahan oleh penduduk tempatan. Sebelum Pahang, gerakan anti penjajahan telah pun berlaku di Nanning pada tahun-tahun 1830-an dan seterusnya diikuti oleh negeri Perak dan Selangor pada tahun 1875.

Gerakan penentangan awal oleh Datuk Bahaman diteruskan lagi dengan pembunuhan beberapa orang pegawai Eropah. Kebencian kepada penjajahan Inggeris jelas terbayang dalam tindakan ini. Pada 5 April 1892 pula, Stewart dan Harris dari Syarikat Penjelajahan Pahang di Sungai Duri mati dibunuh.

Beberapa orang pembesar dituduh melakukan pembunuhan tersebut. Bagaimanapun majoriti



Merium Lela

mengatakan kejadian tersebut adalah perbuatan Panglima Muda Jempol. Beliau dikatakan melakukan perbuatan tersebut kerana hasutan Tuk Gajah atas arahan Sultan Ahmad.

Sultan Ahmad juga membenci orang Inggeris dan Sikh. Pada hakikatnya, baginda ingin membantu para penentang yang diketuai oleh Datuk Bahaman. Oleh itu, baginda telah berangkat ke Lubuk Terua hanya dengan diiringi oleh anakandanya, Tengku Ali, Tuk Gajah, Orang Kaya Chenor dan Orang Kaya Temerloh dan mendesak supaya askar-askar Sikh dan Inggeris supaya tidak turut serta.

Baginda dikatakan telah memberikan bekalan makanan kepada Datuk Bahaman dan pengikut-pengikutnya. Sejak itu, Sultan Ahmad dikatakan menyokong secara langsung pemberontakan di Pahang.

Datuk Bahaman juga mendapat bekalan senjata daripada beberapa orang pembesar negeri. Oleh itu, Datuk Bahaman telah menulis sepucuk surat yang ditujukan kepada Sultan Ahmad menyatakan taat setia beliau serta pengikut-pengikutnya dalam mematuhi arahan baginda.

Pihak British menganggap ramai pembesar Pahang bertindak sebagai talam dua muka, termasuk juga Sultan Ahmad sendiri. Akibatnya, usaha untuk

menghapuskan pemberontakan pada kali kedua gagal juga kerana tindakan Sultan Ahmad itu. Baginda dan Tuk Gajah kemudiannya pulang ke Pekan semula. Pihak British mengharapkan pengaruh baginda akan berkurangan kerana jauh daripada pemberontak. British juga mengarahkan istana baginda di Pulau Tawar dibakar.

Tuk Gajah pula telah dituduh berpakat dengan anaknya Mat Kilau semasa berlakunya peperangan di Budu. British telah mengeluarkan perintah supaya Tuk Gajah ditangkap dan dibicarakan tetapi Sultan Ahmad telah memberi perlindungan kepada beliau. Sultan Ahmad memberi jaminan kepada pihak Inggeris untuk membawa Tuk Gajah ke Pekan dan kemudiannya menghantarnya ke Mekah.

Sebaliknya, situasi ini memberi peluang kepada Tuk Gajah dan anaknya Mat Kilau melarikan diri ke Kelantan melalui Sungai Tembeling. Mereka kemudiannya menyerang Kuala Atok sebelum melarikan diri ke sempadan Kelantan dan Pahang. Mereka menetap di Kuala Aring sebelum dipaksa meninggalkan perkampungan ini atas perintah Sultan Kelantan. Mereka terpaksa meneruskan perjalanan ke Terengganu pula.

Di Terengganu, mereka menetap di kampung Kuala Ampul. Menjelang bulan September 1892,




Kawasan pedalaman Pahang

dengan keluarnya Tuk Gajah dan Datuk Bahaman dari negeri Pahang, pemberontakan fasa pertama dikatakan telah berakhir. Kesemua pemberontak yang mengangkat senjata menentang penjajah telah melarikan diri ke Terengganu dan Kelantan. Fasa pertama pemberontakan telah membawa perubahan dalam corak pentadbiran dan kepimpinan.

Pemberontakan Peringkat Kedua

Pemberontakan peringkat kedua ini telah digerakkan oleh Tuk Raja yang merayu kepada para pemberontak supaya kembali ke Pahang. Untuk tujuan ini, Tuk Raja telah menghantar dua orang pengikutnya iaitu Tuk Muda Mat Akhir dan Tuk Muda Awang Tanggah ke Ulu Tembeling dan Ulu Lebir untuk memujuk Datuk Bahaman dan Mat Kilau. Cubaan ini membawa kegagalan apabila kedua-dua pemimpin itu dan pengikut mereka telah berpindah ke Terengganu.

Di Terengganu, para pemberontak mendapat bantuan dan perlindungan politik daripada seorang pemimpin agama yang sangat dihormati bernama Ungku Saiyid Paloh. Ungku Saiyid membenarkan Datuk Bahaman dan Mat Kilau menetap di Besut,



Agama Islam sebagai alat penyatuan

Terengganu dan meminta orang ramai membantu mereka dalam pergerakan menentang Inggeris di Pahang.

Keadaan ini telah melahirkan suatu corak penentangan yang berlainan. Bantuan yang diperoleh membolehkan Datuk Bahaman dan Mat Kilau meneruskan niat mereka menghalau Inggeris di Pahang. Sokongan Ungku Saiyid membuka hati lebih 100 orang penduduk Besut dan Lebir di Kelantan untuk membantu mereka.

Ungku Saiyid melancarkan jihad atau perang Sabil menentang para pendatang kafir yang cuba meneruskan penjajahan mereka. Beliau juga membekalkan pelias (azimat melawan peluru) dan parang panjang yang berukir ayat-ayat suci Al-Quran. Serangan yang berlandaskan agama ini berjaya menyatukan penduduk tempatan menentang penjajahan.

Agama Islam dijadikan asas dalam menyatukan masyarakat tempatan untuk melawan anasir-anasir yang cuba menghalang pertuanan Melayu di tanah air mereka sendiri. Dengan itu, penentangan Fasa kedua ini jelas menunjukkan bahawa pemberontakan semula ini adalah hasil daripada semangat juang yang ditiupkan menggunakan semangat keislaman.

Pada 14 Jun 1894, Datuk Bahaman dan Mat Kilau telah mengetuai para pemberontak menyerang Kuala Tembeling dengan mengenakan pakaian seperti orang alim. Kuala Tembeling dapat ditawan dengan kekuatan 240 orang Melayu menentang hanya 11 orang anggota polis Sikh. Serangan ini berjalan lancar hasil daripada kejayaan pengikut Datuk Bahaman mendapatkan senjata yang diseludup dari Singapura oleh Awang Ngah, seorang Melayu Kelantan.

Mat Kelubi bersama-sama 50 orang ditugaskan berkawal di Kuala Tembeling manakala mereka yang lain pergi ke Pulau Tawar di Hulu Pahang. Bagaimanapun, Datuk Bahaman tidak berjaya mendapatkan sokongan Tuk Raja dan Panglima Garang Yusuff, pembesar di Hulu Pahang untuk menyertai mereka. Pada 16 Jun, Mat Kelubi dan tujuh orang pengikut beliau telah mati diserang oleh Tuk Raja dan Panglima Garang Yusuff serta pengikut-pengikutnya.

Kegagalan memujuk pembesar Hulu Pahang yang bersikap 'talam dua muka' menyertai perjuangan mereka menyebabkan Datuk Bahaman mengarahkan pengikut-pengikutnya membina kubu di Jeram Ampai yang terletak kira-kira empat kilometer dari Kuala Tembeling.

Semasa pembinaan kubu ini sedang dijalankan, Datuk Bahaman tidak mengarahkan para pemberontak melakukan sebarang serangan atau bertindak aktif. Ini memberi peluang kepada pihak British mendapatkan pertolongan untuk menyerang balas. Beberapa orang penguasa polis dari Perak, Selangor dan Pahang sendiri telah bergabung tenaga di Kuala Tembeling.

Serangan balas pihak British di Jeram Ampai berlaku pada 29 Jun 1894. Akibat kelemahan pertahanan kubu serta kekuatan angkatan British telah menyebabkan pihak British tidak mengalami kesukaran memusnahkan kubu tersebut. Kejayaan serangan ini juga bergantung kepada beberapa orang pemberi maklumat yang mendedahkan kepada pihak British tentang serangan yang dirancang untuk menghapuskan British di Pahang.

Mereka yang bertanggungjawab menjadi pengintip kepada pihak British antaranya ialah Wee Lian Peh, Imam Perang Kassim dan Panglima Garang Yusuff. Dalam serangan tersebut, 11 orang pemberontak telah dibunuh. Datuk Bahaman dan beberapa orang pemimpin pemberontak lain berjaya melarikan diri ke Hulu Lebir.

Pihak British telah mengatur pasukan untuk memburu para pemberontak yang berjaya

melepaskan diri dalam serangan di Jeram Ampai. Pada 21 Julai 1894, Hugh Clifford bersama 130 orang Melayu telah bergerak memasuki negeri Terengganu untuk menjejaki Datuk Bahaman dan pengikutnya. Pasukan British telah bertempur dengan pemberontak dan kehilangan seorang askar Sikh, seorang dayak dan tiga orang Melayu.

Pada 7 Ogos, para pemberontak telah terkepung tanpa sebarang bekalan. Bagaimanapun, mereka berjaya melarikan diri dengan bantuan Ungku Setia Raja dan Datuk Panglima Dalam Kelantan. Datuk Bahaman dan Imam Rasul (Tok Gajah) dikatakan menetap di Terengganu sehingga Mei 1895.

Mulai April 1895, British menawarkan pengumuman kepada pemberontak sekiranya mereka menyerah diri dalam tempoh enam bulan. Apabila tempoh itu tamat, pihak British menawarkan pula ganjaran kepada sesiapa yang berjaya menangkap atau membunuh pemimpin-pemimpin pemberontak.

Pada 24 Mei, tujuh orang pemberontak terdiri daripada Tok Gajah, Mat Kilau, Awang Nong, Teh Ibrahim, dua orang budak lelaki dan seorang wanita telah menyerah diri di Pertang tetapi kemudian melarikan diri semula.

Pada bulan Oktober hingga November 1895, Datuk Bahaman, Awang Nong Yusuff, Teh Ibrahim,


Haji Mat Wahid dan Mat Lela berjaya ditawan oleh Pesuruhjaya Siam di Chiengmai. Datuk Bahaman adalah orang pertama yang menyerah diri. Imam Rasul dan Mat Kilau dilaporkan telah meninggal dunia (bagaimanapun Mat Kilau didapati masih hidup sehingga tahun 1970-an). Pada tahun 1913, pemberontak yang menetap di Siam telah dibenarkan kembali ke Pahang.

TOK JANGGUT

Nama sebenar Tok Janggut ialah Haji Mat Hassan. Beliau adalah daripada keturunan pahlawan Melayu yang sejati. Ayahnya adalah panglima Munas. Tok Janggut menjadi harapan rakyat negeri Kelantan dalam membebaskan negeri tersebut daripada belenggu penjajahan Inggeris yang memperkenalkan pelbagai undang-undang dan peraturan baharu. Beliau dianggap sebagai seorang wira yang sanggup mengorbankan diri dalam mengekalkan pertuanan Melayu di bumi Kelantan.

Tok Janggut mendapat gelaran tersebut disebabkan beliau menyimpan janggut putih yang panjang. Janggut itu disimpan panjang semenjak beliau pulang daripada menunaikan fardu haji di Mekah. Beliau dikatakan mempunyai semua ciri dan perwatakan yang menggambarkan kebijaksanaan dan keberanian seorang pahlawan Melayu yang berani.

Beliau mempunyai tubuh badan yang tegap dan berukuran enam kaki (1.8 m). Beliau memiliki



Gurunya berasal dari Sumatera

sepasang mata coklat tajam yang menggambarkan keberanian. Kepala beliau pula besar dan botak sementara dahi beliau luas sebagai tanda kebijaksanaan, bertanggungjawab dan ketegasan. Beliau juga dikatakan mempunyai kekebalan daripada tikaman dan peluru.

Semasa melahirkan Tok Janggut, Tok Bidan telah menasihatkan ibu Tok Janggut untuk menyimpan dan mengeringkan tembuni. Ini disebabkan tembuninya dikatakan lebih tebal daripada tembuni biasa. Kemudiannya, tembuni itu dimasukkan ke dalam bubur nasi dan diberi makan kepada Tok Janggut apabila beliau remaja dan khatam Al-Quran. Dengan cara inilah dikatakan Tok Janggut berjaya menguasai dan memiliki kekebalan.

Tok Janggut juga dikatakan mewarisi kuasa luar biasa itu daripada gurunya yang berasal daripada Minangkabau. Kuasa luar biasa ini dapat dimiliki melalui bacaan jampi mantera yang hanya diketahui oleh Tok Janggut di samping keberanian yang sememangnya dimiliki beliau. Keadaan ini membolehkan Tok Janggut memperoleh taat setia yang tidak berbelah bahagi yang berjumlah melebihi 2000 orang untuk melawan pihak berkuasa.

Semasa pemberontakan tahun 1915 itu berlaku, Tok Janggut dikatakan sudah pun berumur 62 tahun. Ayah beliau, Panglima Munas merupakan salah seorang daripada dua orang hulubalang yang sangat dipercayai oleh penghulu Jeram pada ketika itu iaitu Tengku Sri Maharaja Tua.


Tok Janggut bekerja sebagai pedagang. Seperti pedagang lain, beliau selalu belayar dan menjelajah

kawasan-kawasan dekat dan jauh, kadang-kadang ke Terengganu atau Patani untuk menjual hasil barangan dan buatan tempatan seperti padi, beras dan minyak kelapa. Pada masa lapang, beliau gemar berlaga ayam, ikan dan lembu yang merupakan satu bentuk hiburan yang popular di Kelantan pada waktu itu.

Walaupun beliau bukan pahlawan atau ketua kawasan seperti ayah beliau, Tok Janggut dianggap tergolong dalam golongan bangsawan di mahkamah Engku Besar, ketua jajahan Jeram. Ini berdasarkan hubungan yang wujud di antara bapa Tok Janggut dan keluarga Ungku Besar dalam generasi yang terdahulu selain daripada hakikat yang Tok Janggut juga merupakan penduduk asal di Jeram. Lagi pula, Tok Janggut sentiasa mendapat sanjungan yang baik menerusi sikap beliau yang sentiasa bermurah hati dan sentiasa menjaga kebajikan penduduk.

Penentangan Tok Janggut di Kelantan berlaku pada tahun 1915. Pemberontakan ini dikenali dalam sejarah negara sebagai Pemberontakan Pasir Puteh. Bagaimanapun, sejarah penentangan di Pasir Puteh ini masih samar-samar dan tidak dapat difahami sepenuhnya.

Bandar Pasir Puteh terletak di antara sempadan Kelantan dan Terengganu, lebih kurang 11 km dari



Negeri Kelantan

bandar Kota Bharu. Pusat pentadbiran di bandar Pasir Puteh telah diwujudkan beberapa tahun sebelum Kelantan diserahkan oleh Siam kepada pihak British.

Pasir Puteh adalah daerah yang menghasilkan pengeluaran berasaskan pertanian. Pantainya pula sesuai untuk penanaman pokok kelapa, manakala bahagian pedalamannya pula terkenal dengan penanaman padi, pembukaan ladang-ladang getah, kebun-kebun buah-buahan dan sayur-sayuran. Kepadatan penduduk daerah ini bergantung sepenuhnya kepada aktiviti pertanian yang dijalankan.

Pejabat Daerah Pasir Puteh telah didirikan pada tahun 1905. Kehadiran pegawai daerah telah menggantikan kuasa tradisional pembesar tempatan di kawasan Jeram iaitu sebahagian daripada Pasir Puteh. Penguatkuasaan sistem undang-undang tanah baru telah melahirkan salah faham di kalangan petani yang sememangnya tidak berpelajaran dan kolot. Perubahan sosio ekonomi inilah yang dikatakan penyebab kepada merebaknya pemberontakan di Kelantan.

Antara peraturan dan undang-undang baharu yang telah diperkenalkan mulai tahun 1914 ialah mengenakan cukai tanah dan cukai ternakan. Di

samping itu, cukai kepala turut dikenakan sebanyak seringgit setahun kepada setiap orang manakala buah kelapa dicukai tiga sen setandan, pokok buah-buahan tiga sen seponon dan pokok sirih lima sen sejunjung. Mana-mana penduduk yang tidak membayar cukai atau menentang peraturan baru ini akan didenda atau dipenjarakan.

Pada awal kemasukan Inggeris ke Kelantan, kawasan Jeram diketuai oleh Ungku Besar. Kuasa beliau sebagai ketua di Jeram mulai tergugat apabila daerah baharu Pasir Puteh dibuka. Sejak itu, daerah baru ini yang turut merangkumi Jeram telah ditadbir oleh pegawai daerah dan bukan lagi oleh ketua jajahan tempatan. Tidak ada sebarang ganjaran diberikan kepada Ungku Besar untuk meringankan beban kehilangan kedudukan tradisional yang dialami oleh beliau akibat perlantikan pegawai baru itu.

Semua ini menyebabkan Ungku Besar bertindak menyokong perjuangan Tok Janggut menentang penjajah Inggeris. Majoriti penduduk Kelantan pula masih belum bersedia diketuai orang luar apa lagi penjajah Barat.

Keluasan kawasan yang terletak bawah kuasa ketua penjajah adalah bergantung kepada jumlah pendapatan yang mereka perlukan di samping

kebijaksanaan mereka dalam mengumpul cukai. Cukai yang dikenakan kepada setiap penduduk juga tidak sama, bergantung kepada perhubungan peribadi di antara penduduk dengan ketua mereka. Cukai yang dikenakan pula adalah kecil dan tidak membebankan. Secara logiknya, penduduk berasa bertanggungjawab membayar cukai kepada ketua jajahan yang memberi kehidupan yang aman.

Sebaliknya pula, pegawai daerah hanya dipandang sebagai agen kerajaan pusat yang bertanggungjawab mendapatkan seberapa banyak pendapatan kepada perbendaharaan. Mereka juga tidak bergantung kepada sokongan padu penduduk tempatan kerana mereka dilindungi undang-undang dan kuasa tertinggi.

Pegawai daerah pertama bagi Pasir Puteh ialah Encik Ibrahim yang dilantik pada 1905. Beliau pernah berkhidmat sebagai ketua kerani mahkamah rendah di Kota Bharu. Beliau dipercayai berasal dari Singapura. Disebabkan beliau bukan berasal dari Kelantan, perlantikan beliau sudah tentu mendapat tentangan penduduk tempatan.

Bagaimanapun, hasil daripada kebijaksanaan dan inisiatif Encik Ibrahim dalam menguruskan serta menyelesaikan sesuatu masalah tanpa menyinggung perasaan penduduk tempatan telah membuat-



Buah kelapa dikenakan crikai

kan penentangan dan perasaan tidak puas hati terhadap pentadbiran beliau tidaklah begitu ketara. Pengalaman Encik Ibrahim yang bermula sebagai kerani biasa di mahkamah membolehkan beliau menjalankan tugas sebagai pegawai daerah dengan baik.

Di samping menunjukkan minat yang mendalam terhadap kehidupan penduduk tempatan, Encik Ibrahim juga berjaya meningkatkan pendapatan daerah bawah pentadbirannya. Dalam banyak hal, beliau terkenal sebagai penggalak kepada petani untuk mempelbagaikan jenis tanaman serta menggalakkan perdagangan dan aktiviti-aktiviti berkebun di daerah Pasir Puteh.

Hasilnya dalam masa beberapa tahun sahaja, daerah itu telah berjaya membuka sebuah bandar baharu. Bandar baharu ini telah berjaya menarik hampir seluruh perdagangan yang suatu ketika dahulu berpusat di Jeram. Dengan itu, di samping kehilangan kedudukan beliau sebagai pemimpin Jeram, Ungku Besar kini kehilangan pendapatan daripada cukai perdagangan juga. Ini menambahkan rasa perasaan tidak puas hati beliau.

Pada tahun 1910, Encik Ibrahim meletak jawatan sebagai pegawai daerah Pasir Puteh. Tempat beliau diganti buat sementara waktu oleh Encik Salleh,

ketua kerani Mahkamah Tinggi. Beliau bertugas selama setahun tanpa berlaku sebarang peristiwa yang menggemparkan. Ini mungkin disebabkan beliau merupakan penduduk tempatan yang sudah masak dengan karenah dan perlakuan penduduk tempatan.

Bagaimanapun, keadaan mula berubah dengan perantikan Encik Latiff yang menggantikan Encik Salleh pada tahun 1912. Beliau berasal dari Singapura dan merupakan seorang yang banyak inisiatif dan bersifat tegas. Perantikan beliau membawa pelbagai perubahan dan peraturan baharu. Peraturan cukai diperketatkan juga.

Oleh itu mulai tahun 1913, pelbagai cukai baharu telah diperkenalkan semata-mata untuk mengumpulkan pendapatan kerajaan sebanyak mungkin. Antaranya ialah pemberian kontrak kepada pemungut telur penyu dan kercut iaitu sejenis rumput di beberapa buah daerah. Peraturan baharu ini tentu sahaja menimbulkan kemarahan penduduk yang selama ini memperoleh kedua-dua bahan tersebut secara percuma.

Encik Latiff juga memperhebatkan usaha menangkap penduduk yang melakukan jenayah dan melanggar undang-undang untuk dibawa ke muka pengadilan. Bagaimanapun, apa yang lebih

membangkitkan kemarahan penduduk tempatan ialah cara Encik Latiff dan kaki tangannya melayan mereka berhubung dengan pemungutan cukai. Kelewatan membayar cukai akan menyebabkan mereka dihina dan dilayan dengan kasar disamping dikenakan denda walaupun sebab-sebab kelewatan itu adalah berpunca dari kelemahan dan kekurangan kaki tangan di pejabat daerah.

Pada Januari 1915, satu sistem cukai tanah yang baharu diperkenalkan di Kelantan. Sistem baharu ini dikatakan menambahkan lagi beban kepada rakyat. Pelaksanaan sistem ini di Pasir Puteh oleh Encik Latiff menambahkan lagi perasaan tidak puas hati dan kemarahan penduduk kepada pentadbiran beliau. Keadaan ini dianggap seperti "Retak menunggu belah" sahaja.

Sebagaimana yang diramalkan apabila menjelang April 1915, Tok Janggut dan lebih kurang 2 000 orang penyokongnya memboikot daripada membayar cukai. Ini telah menyebabkan daerah Pasir Puteh mengalami kemerosotan kutipan cukai.

Pada peringkat awalnya, Tok Janggut tidak bertujuan untuk tidak membayar cukai dan mencetuskan ketegangan. Kebetulan pada hari Tok Janggut dan pengikutnya pergi ke pejabat daerah untuk membayar cukai tahunan, orang ramai telah

penuh sesak. Kaki tangan pejabat pula tidak mencukupi menyebabkan sesetengah orang terpaksa menunggu selama beberapa hari untuk menjelaskan cukai mereka. Keadaan penuh sesak ini menyebabkan Tok Janggut mengambil keputusan pulang semula ke Jeram tanpa membayar cukai kepada kerajaan untuk tahun tersebut.

Tiga bulan selepas peristiwa itu, Tok Janggut dan pengikutnya telah menerima surat saman dan diarahkan menghadiri perbicaraan di mahkamah. Bagaimanapun, semua mereka tidak hadir pada hari yang telah ditetapkan. Oleh itu, pada 25 April 1915, Sarjan Che Wan dan dua orang mata-mata telah dihantar ke kampung Nering, Pasir Puteh untuk menangkap Tok Janggut.

Tok Janggut yang berada di rumah ketika itu bersetuju mengikut Sarjan Che Wan ke pejabat daerah dengan syarat Sarjan Che Wan berjalan di hadapan supaya beliau tidak kelihatan sebagai seorang banduan. Bagaimanapun, Sarjan Che Wan telah mengeluarkan gari untuk menggari Tok Janggut yang kemudiannya menyebabkan dia ditikam oleh Tok Janggut. Sarjan Che Wan meninggal di tempat kejadian. Perhatikan keadaan ini, kedua-dua orang mata-mata yang bersama-sama dengan Sarjan Che Wan telah melarikan diri dan memberitahu pegawai

daerah Pasir Puteh mengenai kejadian yang telah berlaku.

Berita penentangan Tok Janggut telah tersebar ke seluruh bandar Pasir Puteh. Tok Janggut dengan Engku Besar Jeram telah bersedia untuk memulakan suatu pemberontakan secara besar-besaran bersama penyokong setia mereka yang berjumlah lebih 2000 orang.

Dalam serangan terhadap rumah pasung (Balai Polis) daerah Pasir Puteh, senapang dan barang-barang makanan telah dirampas. Mereka juga berjaya membebaskan 12 orang tahanan. Dengan kemenangan ini, Tok Janggut telah membentuk pemerintahan sementara di Pasir Puteh dan melantik Engku Besar sebagai pemerintah.

Selepas berjaya menawan bandar Pasir Puteh, para pemberontak yang diketuai oleh Tok Janggut telah bergerak ke Semerak, 16km dari bandar Pasir Puteh untuk menyerang beberapa orang Inggeris yang tinggal di ladang kelapa di situ.


Apabila berita pemberontakan Tok Janggut sampai ke Kota Bharu, kerajaan Inggeris telah menghantar Inspektor Jakson dan 30 orang polis ke Gunung yang terletak di pertengahan jalan antara Kota Bharu dan Pasir Puteh. Mereka diarahkan berjaga-jaga menghadapi kemungkinan para

pemberontak sedang menuju ke Kota Bharu.

Dua orang pegawai British lain telah dihantar dengan sebuah kapal kecil dari Kota Bharu ke Semerak pada hari kedua tercetusnya pemberontakan. Mereka ditugaskan memberi amaran kepada peladang-peladang Inggeris tentang pemberontakan tersebut. Apabila kedua-dua pegawai ini tiba, mereka dapati semua peladang telah pun berpindah. Selepas pemergian para peladang Inggeris itu, para pemberontak telah menggeledah dan membakar tempat-tempat tinggal mereka. Harta rampasan diangkut dengan sampan.

Pada 1 Mei 1915, Sultan Kelantan telah mengarahkan Datuk Menteri (Mohd. Hassan b. Mohd Salleh) dan Datuk Bentara Setia (Hj. Nik Mahmud b. Hj. Ismail) pergi ke Pasir Puteh dan berunding dengan ketua pemberontak. Sultan Kelantan akan memberi pengampunan sekiranya mereka menyerahkan pembunuh Sarjan Che Wan dan menghentikan penentangan mereka.

Bagaimanapun, rombongan ini telah menemui kegagalan apabila Tuk Janggut tidak mahu berunding dengan mereka. Tok Janggut telah diberi amaran oleh beberapa orang penduduk kampung bahawa kedatangan rombongan istana itu semata-mata bertujuan untuk menangkap beliau.



Bandar Kota Bharu

Sikap degil Tok Janggut telah disampaikan kepada baginda Sultan. Beberapa hari kemudian, Sultan telah mengeluarkan waran dan perintah kepada ketua-ketua dan pegawai-pegawai untuk menangkap Tok Janggut dan pengikut-pengikutnya. Sekumpulan askar British lengkap dengan senapang dan meriam telah belayar dengan kapal perang Cadmus meninggalkan Singapura pada 2 Mei 1915 untuk menyertai pasukan tempatan menentang para pemberontak.

Pada 5 Mei, Sultan telah diberitahu mengenai ketibaan 230 orang askar British dan Melayu bersama dua 'machine gun' di Tumpat, Kelantan. Sehingga 15 Mei 1915, pihak pemberontak tidak melakukan sebarang serangan. Oleh sebab itu, pihak British mengandaikan para pemberontak telah berpecah. Oleh itu, pasukan British ini telah dipanggil pulang ke Singapura dengan kapal Calypso.

Tempat mereka telah diganti oleh pasukan askar-askar negeri Melayu yang turut dilengkapi dengan dua meriam besar atau meriam gunung. Pasukan ini dipecahkan kepada unit. Satu unit mengawal bandar Pasir Putih mana kala satu pasukan lagi mengawal kawasan di antara Kota Bharu dan Tanah Merah. Dalam tempoh beberapa hari iaitu sehingga 24 Mei, kejadian yang tidak diingini tidak berlaku.

Pada 25 Mei 1915, pemberontakan tercetus semula. Lebih kurang pada pukul 3.00 pagi, Tok Janggut mengetuai para pemberontak menuju ke Pasir Puteh untuk menyerang pasukan kerajaan. Mereka menembak ke udara dengan tujuan mengeluarkan bunyi tembakan. Pasukan kerajaan yang mendengar bunyi tembakan itu kemudiannya mengejar mereka.

Setiba di kampung Merbol, pasukan kerajaan cuba menangkap salah seorang pemimpin pemberontak disana iaitu Khatib Abu Bakar. Sebaliknya seorang askar Sikh telah ditetak dengan parang oleh Khatib Abu Bakar. Kemudiannya, Khatib Abu Bakar mati ditikam oleh askar Sikh itu dengan benetnya. Para pemberontak pula menyerang hendap pasukan kerajaan setibanya di kampung Pupoh. Dalam serangan itu, Tok Janggut dan dua orang pengikutnya telah meninggal dunia. Dua orang pengikut beliau itu kemudiannya dikenal pasti sebagai Tok Husin dan Tok Abas.

Mayat Tok Janggut telah dibawa ke Kota Bharu dengan kereta lembu. Mayat beliau telah diletakkan di Padang Merdeka untuk disaksikan oleh orang awam. Selama beberapa hari, mayatnya digantung dan disandarkan pada sebatang kayu dengan kaki ke atas. Ini dilakukan sebagai tanda penghinaan

sebelum mayat Tok Janggut disemadikan di tebing sungai Pasir Pekan, berhadapan dengan Tanjung Pagar, Kota Bharu.

Penentangan masyarakat tempatan yang diketuai oleh Tok Janggut di Kelantan khususnya di Pasir Puteh telah berlanjutan selama sebulan. Dengan kematian Tok Janggut, tamatlah pemberontakan di Kelantan. Para pemimpin dan penyokong mereka yang selamat telah melarikan diri ke beberapa tempat seperti Terengganu dan ada yang melarikan diri ke negeri Siam (Thailand). Sebahagian lagi berjaya ditangkap dan dihukum. Engku Besar dikatakan telah melarikan diri ke Siam dan meninggal beberapa tahun kemudian.

Penutup

Semangat juang pahlawan-pahlawan Melayu ini tidak dapat dinafikan lagi. Mereka telah memper-taruhkan nyawa mereka demi keselamatan tanah air.

Bagaimanapun, pada masa yang lalu nama mereka tidak begitu harum kerana penjajah Inggeris telah mengaitkan perjuangan orang Melayu dengan sikap menderhaka kepada sultan sehingga pahlawan-pahlawan ini dicap sebagai penderhaka.

Kini mereka telah diangkat kepada tahap yang sebenar sebagai pejuang tanah air yang membasahi Malaysia dengan darah dan air mata. Mereka sewajarnya disanjung.

